

MTPN Selangor bantu selesai isu tanah Zoo Negara

Oleh NOR AZAN FITRI
AHMAD HIDZIR

HULU KLANG 18 Ogos - Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Selangor (MTPNS) akan membantu Zoo Negara menyelesaikan masalah status pemilikan tanah di situ agar dapat diwartakan sebagai tanah rizab untuk pelancongan.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Subahan Kamal berkata, langkah berkenaan bertujuan membolehkan segala bentuk pembangunan dan proses menaik taraf Zoo Negara dilaksanakan tanpa sebarang halangan daripada mana-mana pihak.

"Perkara ini sudah berlanjutan hampir 40 tahun kerana sebahagian tanah tersebut milik kerajaan Selangor dan ada di antaranya milik persendirian dan masalah ini merumitkan keadaan.


"Saya akan membawa perkara ini kepada pengurusan kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat agar status pemilikan tanah itu dapat diselesaikan dengan segera," katanya selepas mengadakan lawatan ke Zoo Negara di sini baru-baru ini.

Subahan berkata, ia merupakan langkah permulaan untuk membangunkan Zoo Negara agar ia dapat menjadi sebahagian daripada produk pelancongan terkemuka di negara ini.

"Kerajaan memandang serius perkara ini dan saya akan berusaha untuk mempercepatkan proses itu agar pembangunan dapat dijalankan dengan segera," ujarnya.

Beliau juga memaklumkan bahawa kerajaan Pusat sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi projek menaik taraf infrastruktur di luar kawasan zoo di bawah seliaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ).

"Peruntukan itu adalah untuk menaik taraf jalan raya di sekitar Zoo Negara,



SUBAHAN Kamal melawat Zoo Negara bagi meninjau pelbagai masalah dari dekat baru-baru ini.

- Gambar ROY AZIS ABD. AZIZ

memperbaiki kemudahan letak kereta, perhentian bas, laluan pejalan kaki dan tandas awam di kawasan tersebut.

"MPAJ juga sudah membuka tender ke-

pada kontraktor yang berkelayakan untuk menjalankan projek berkenaan," jelasnya.

Dalam pada itu, kata Subahan, pihaknya juga akan meminta peruntukan tambahan

daripada Kerajaan Pusat bagi membolehkan Zoo Negara memperbaiki segala kemudahan infrastruktur di dalam kawasan mereka.